



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

LAPORAN REFLEKSI AKTIVITI EKSTRA-KURIKULAR

UKQT 3001

2020/2021

SEKSYEN 04

“Tanggungjawab Sosial Korporat”
di Sekolah Kebangsaan Sentul Utama, Kuala Lumpur.

PENSYARAH: DR SYAHARIZATUL NOORIZWAN MUKTAR

NAMA	LIYANA ATHIRA BINTI ROSLAN
NO MATRIK	B19BS0009

1.0 REPORTING

Pada Februari 2017 semester ketiga Diploma, saya diwajibkan untuk mengambil subjek Kokurikulum sebagai subjek 2 kredit dan saya secara sukarela sertai kelab badminton UTM Kuala Lumpur. Bagi melengkapkan kurikulum, pelajar diwajibkan untuk menganjurkan sebuah aktiviti, taklimat atau bengkel yang berkaitan dengan badminton.

Pada 26 Ogos 2017, kami telah menjalankan Program Komuniti UTMKL di Sekolah Kebangsaan Sentul Utama, Kuala Lumpur. Program ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengajar pelajar-pelajar sekolah rendah Sentul Utama akan teknik yang betul untuk bermain badminton dan kami mengadakan pertandingan.

Program ini telah dirancang dengan teliti sekitar 2 bulan. Sebagai pelajar kelab badminton kami membuat kata sepakat untuk melantik pengarah, penolong pengarah, setiausaha, bendahari dan ajk-ajk setiap tugas bagi melancarkan program dan saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Saya telah dilantik sebagai Setiausaha dan diberikan amanah untuk sentiasa “*update*” dan membantu pengarah untuk mencari tempat dan peserta bagi program ini dilaksanakan. Sebagai kumpulan yang besar, kami sentiasa memberitahu satu sama lain akan perubahan atau masalah yang dihadapi oleh setiap ajk dan unit. Jumlah pelajar kelab badminton adalah 29 sahaja.

Perbincangan dan mesyuarat telah dilakukan bagi membuat keputusan yang penting seperti jumlah peserta yang terlibat, harga bagi setiap cenderamata dan jumlah dana yang diperlukan bagi menjalankan program komuniti UTMKL. Kami juga sering merujuk kepada pensyarah untuk membuat keputusan supaya ianya tiada salah faham yang timbul dan boleh mengakibatkan kesan kepada program ini.

Setiap perkara telah disusun dengan baik supaya tiada istilah “*buat kerja dua kali*” jika ada masalah yang timbul. Dalam masa 2 bulan untuk merancang, setiap orang sangat membantu dalam menyelesaikan tugas yang diberi dan setiap ajk telah menghantar tugas dalam tempoh masa yang diberikan.

Tiada masalah yang timbul walaupun semua ahli kumpulan sibuk dengan *assignment*, *test* dan *quiz* yang banyak. Kami mengamalkan sifat ringan tulang sesame sendiri supaya setiap tugas itu dapat disiapkan dalam tempoh masa yang tepat dan ianya penuh dengan keikhlasan dan bukannya sekadar “*yang penting siap*”.

Contoh-contoh tugas adalah mendapatkan persetujuan dari pihak atasan di UTMKL, mendapatkan dana yang diperuntukkan oleh program, berhubung dengan pihak Sekolah Kebangsaan Sentul Utama, membeli hadiah atau saguhati untuk Sekolah Kebangsaan Sentul Utama, menghubungi katering untuk sarapan pagi & jamuan tengahari pada 26 Ogos 2017, mendapatkan sijil penyertaan untuk para pelajar, guru-guru Sekolah Sentul Utama dan ahli kelab badminton UTMKL, menyediakan kotak First Aid jika berlaku kemalangan, membeli bulu tangkis, menyewa gelanggang badminton dan laporan setelah program tamat.

Antara pihak yang terlibat sepanjang program badminton ini berlangsung adalah para ahli kelab badminton UTMKL, pensyarah kelab badminton, pihak katering yang menyediakan jamuan, para pelajar, guru-guru dan guru besar di Sekolah Kebangsaan Sentul Utama. Berkat usaha, tenaga dan masa dari semua pihak program komuniti UTMKL di Sekolah Kebangsaan Sentul Utama, Kuala Lumpur telah pun berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan dan masalah.

Sebelum dan selepas program itu berlangsung, saya telah menjalankan amanah sebagai sebahagian daripada ahli kelab badminton iaitu dengan menyertai program komuniti, menerima arahan dari pengarah program untuk membuat laporan program komuniti,

menghadiri mesyuarat bersama ahli kumpulan, membuat keputusan bersama-sama dan menghadirkan diri ke Sekolah Kebangsaan Sentul Utama, Kuala Lumpur untuk melengkapkan ahli pada hari berikut.

Ianya sedikit sebanyak telah memberi saya tanggungjawab dan amanah untuk memastikan program komuniti UTMKL berlangsung dengan baik. Pada hari kejadian, saya sedikit sebanyak telah menunjuk ajar kepada para pelajar cara dan teknik yang betul untuk bermain badminton.

Akhir sekali, kami mengumumkan pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga yang memenangi pertandingan badminton serta memberikan sijil kepada guru-guru sekolah Sentul Utama sebagai tanda terima kasih kerana menyertai program yang dianjurkan oleh pelajar Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL).

2.0 RESPONDING

Aktiviti yang diwajibkan oleh kelab badminton iaitu program komuniti UTMKL adalah baru untuk saya. Dengan menyertai kelab badminton sebagai subjek kurikulum adalah satu keputusan yang baik kerana subjek ini bukan sahaja fokus kepada aktiviti badminton dalam kalangan pelajar UTMKL sebaliknya ia juga membantu pelajar untuk mengasah bakat menjadi seorang yang bertanggungjawab dan kemahiran menjadi pemimpin.

Pada mulanya, saya menganggap dengan menjalankan program di luar universiti adalah senang dan tidak memerlukan banyak urusan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Sebaliknya, semua anggapan saya adalah tidak semudah yang disangka-sangka. Kami perlu berurusan dengan banyak pihak seperti pensyarah subjek kurikulum, jurulatih kurikulum dan guru-guru Sekolah Kebangsaan Sentul Utama.

Tugasan-tugasan bagi menyediakan program komuniti adalah sangat banyak dan setiap unit serta ajk telah melakukan tugas yang sangat baik. Saya percaya bahawa kerja keras dari setiap unit sangat membantu program untuk berjalan lebih lancar dan tanpa kerja keras dari semua orang yang terlibat program ini tidak dapat dilakukan. Bagi sudut pandangan saya, jawatan setiausaha ini sangat membantu saya untuk lebih memahami proses persediaan program yang dijalankan oleh pelajar sendiri.

Saya percaya bahawa program komuniti itu sendiri telah memberi saya pengalaman yang luar biasa untuk jadi lebih yakin dan seronok untuk melibatkan diri saya dengan aktiviti lain di universiti. Peluang yang baik tidak datang selalu dan saya percaya program komuniti yang dianjurkan oleh kelab badminton UTMKL memberi saya peluang untuk jadi seorang yang berpengalaman dengan program komuniti.

Program komuniti telah memberi saya peluang dan ruang untuk berkawan dengan orang baru dan dari situ kami bertukar idea antara satu sama lain. Saya berfikir bahawa jika program ini memberi kelebihan yang banyak dan sangat berbaloi?

Ye, program ini sangat berbaloi untuk sertai dan dalam pada masa yang sama saya telah belajar banyak ilmu baru berkenaan cara untuk menyediakan laporan setelah program habis dan juga sama-sama membantu kawan yang memerlukan pertolongan.

3.0 RELATING

Sepanjang proses menyediakan program komuniti, kami sebagai satu kumpulan yang besar bertungkus-lumus dan telah berikan yang terbaik untuk peserta. Tiada ahli kumpulan yang tidak buat kerja kerana semua orang bertanggungjawab untuk program ini. Semangat dari kawan-kawan, kerja keras dan selalu berfikiran positif dalam kumpulan adalah sama seperti aktiviti yang saya pernah terlibat.

Pertandingan chess yang dianjurkan oleh sekolah pada 2014 sangat relevan untuk dikaitkan dengan program komuniti kerana saya bertugas sebagai ajk dan terdapat lima orang kawan yang bertugas sebagai ajk. Kami menyediakan kerusi, meja dan peralatan chess di dewan sekolah bagi melengkapkan aktiviti pada hari tersebut. Enam orang daripada kami dibahagikan kepada dua kumpulan untuk menyediakan alat-alat yang diperlukan.

Sebelum pertandingan chess bermula, kami ditugaskan untuk membuat sijil untuk para peserta sebagai tanda penghargaan dari pihak sekolah. Maka, kami membahagikan tugas untuk mempercepatkan proses menghasilkan sijil. Antara tugas yang diperlukan adalah seperti menaip, mengedit, mencetak dan menyerahkan sijil di atas pentas telah dilakukan dengan teliti.

Setiap tugas yang melibatkan kumpulan perlu disemak dengan teliti dan memastikan tugas yang diberikan kepada setiap ajk adalah sama dan adil. Melakukan kerja lebih dari ajk lain boleh menimbulkan rasa kurang adil. Sama juga seperti program komuniti, jumlah ahli kumpulan ialah 29 orang maka, pembahagian tugas perlu dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Kemahiran bekerja di dalam kumpulan telah dipupuk sejak sekolah, jadi tiada masalah untuk saya bekerja di dalam kumpulan yang mempunyai ramai ahli. Pengalaman yang saya dapat

dari kerja berkumpul ialah ia membentuk pasukan yang kuat dengan jati diri dan meningkatkan keyakinan diri.

Bila diberikan peluang untuk bekerja dalam pasukan, saya mampu untuk bercakap dan melontarkan idea supaya setiap ahli kumpulan boleh nilai dan berikan pendapat masing-masing terhadap idea saya. Begitu juga orang lain, jika ahli kumpulan memberikan idea ianya perlu dinilai dan berikan pendapat terhadap idea tersebut. Sebagai ahli kumpulan yang ingin berjaya, kita perlu saling tolong-menolong dan mengamalkan sikap rendah diri supaya tiada orang yang ditindas.

Sikap yang baik dan positif dari seseorang individu memainkan peranan kepada sebuah kumpulan kerana ia memberi impak yang besar kepada setiap ahli kumpulan. Manakala, sikap yang angkuh dan negatif dari seseorang individu boleh mempengaruhi orang lain untuk sama-sama gagal dan tidak berusaha untuk berjaya.

Segala budi bicara yang keluar dari mulut seseorang itu adalah penting kerana kita dapat menilai individu itu dari percakapan dia. Memilih ahli kumpulan yang bagus juga adalah salah satu cara untuk mengekalkan aura positif di dalam sesebuah kumpulan.

Kumpulan yang mempunyai ramai ahli perlu ada kata sepakat supaya tiada salah faham yang akan timbul. Menyampaikan maklumat juga perlulah adil supaya semua ahli tahu dan tiada istilah pilih kasih antara satu sama lain.

4.0 REASONING

Aktiviti badminton ini sangat memerlukan kerjasama antara satu sama lain kerana ia melibatkan ramai orang iaitu ahli kelab badminton, guru dan para pelajar dari sekolah sentul utama, Kami menghadirkan diri ke sekolah sentul utama bagi menjalankan pertandingan badminton.

Setibanya kami di sana, kami berjumpa dengan para pelajar dan guru-guru untuk mendengar taklimat dari pihak sekolah sentul. Kami sangat berterima kasih kepada mereka kerana sudi menerima pelajar-pelajar UTMKL untuk melakukan bengkel dan pertandingan badminton pada hari sabtu.

Sebelum memulakan pertandingan, kami berkumpul bersama untuk mengajar para pelajar akan teknik yang betul untuk memegang raket. Selepas itu, kami berikan air dan roti kepada para pelajar sebagai alas perut sebelum memulakan perlawanan.

Sebelum perlawanan bermula, kami seramai 29 orang pelajar telah pun membahagikan tugas untuk mencatat markah, jaga garisan gelanggang, pengadil, ajk first-aid dan ajk bulu tangkis. Setiap jawatan memainkan peranan yang penting untuk mengendalikan perlawanan badminton dengan lancar.

Kerjasama dari pihak ahli kelab badminton amatlah bagus kerana tiada masalah yang berlaku semasa program berjalan. Kami mengadakan perlawanan "*single*" dan "*double*" kalah mati di kalangan para pelajar, terdapat 2 perlawanan yang berlaku dalam pada masa yang sama. Semua ajk kelab badminton menjaga dan mengawal perlawanan badminton dengan baik tanpa sebarang kelewatan dari mana-mana pihak.

Sebagai seorang pelajar, saya melihat situasi ini adalah satu tanda kerja berkumpulan yang sangat baik kerana dari sudut pandangan seorang pelajar, kita haruslah amanah dengan

tugas yang diberi kerana itu adalah tanggungjawab sendiri. Selain itu, kami menyediakan sijil tanda terima kasih sebagai penghormatan kepada pihak sekolah yang menerima kami.

Seterusnya, kami juga belajar cara-cara untuk meningkatkan keyakinan diri sendiri dengan mengajar para pelajar sekolah rendah tentang teknik yang betul untuk memegang raket. Saya juga faham tentang cara yang betul untuk menyediakan laporan selepas program tamat dan setiap proses yang perlu diikuti seperti persediaan untuk program, perancangan yang tepat untuk program, pelaksanaan ketika program berlangsung dan penutup bagi menamatkan program dengan jaya.

Dengan ini, kita dapat lihat betapa pentingnya kerjasama antara ahli-ahli kumpulan untuk melakukan aktiviti atau program bersama-sama. Faktor kerjasama adalah sangat penting untuk membina semangat berkumpul dan saling tolong-menolong.

5.0 RECONSTRUCTING

Akhir sekali, dengan penglibatan saya dalam aktiviti CSR ini saya memperoleh pengalaman yang baru. Sebelum ini, saya hanya terlibat dengan persatuan, webinar dan kelas yang diajar oleh guru dan pensyarah tetapi kali ini saya sendiri yang merasai pengalaman menjadi seorang fasilitator dan setiausaha.

Dengan pengalaman yang saya ada, saya dapat menerapkan nilai positif, kerjasama dan tolong-menolong dalam diri dengan harapan dapat membantu sedikit sebanyak idea kepada kerja berkumpulan dari segi pembahagian tugas dan memilih jawatan. Keputusan yang tepat dapat membantu kumpulan untuk lebih berjaya.

Jadi, jika terdapat masalah atau kesusahan saya boleh membantu kumpulan untuk mencari solusi yang bernas dan dalam pada masa yang sama meringankan beban yang ditanggung oleh pasukan. Selain kerjasama saya akan menerapkan nilai “*open-minded*” di dalam kumpulan supaya setiap orang boleh melontarkan idea tanpa sebarang hierarki.

Serta, mengadakan mentor mentee sesama ahli kumpulan supaya gerakan kerja itu lebih berkualiti dan cepat jika dibandingkan dengan bekerja seorang diri. Galakan yang diterima dari kaedah itu sangat berkesan kerana terdapat perubahan prestasi yang merangsangkan dan berkesan. “*Mungkin kaedah mentor mentee boleh diteruskan dalam alam pekerjaan?*”

Bagi menggalakkan sukan badminton dikalangan pelajar sekolah rendah, saya bercadang untuk mengadakan program badminton di sekolah rendah. Badan-badan kerajaan atau ngo boleh menggalakkan minat pelajar untuk bermain badminton dengan menyediakan “pakar badminton” untuk mengajar teknik-teknik bermain badminton di setiap negeri.

Jika para pelajar betul betul minat dalam mengasah bakat badminton, mereka boleh pergi ke pusat sukan negeri dan memasuki kelas badminton yang diajar oleh bekas pemain badminton

yang hebat. Sekarang saya sedar, bahawa hobi seseorang boleh dijadikan pekerjaan dan mendatangkan wang. Semoga dengan peluang dan ruang yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan badminton, Malaysia dapat melahirkan lagi seorang pemain yang sama hebat seperti Lee Chong Wei.

Dengan melakukan perkara tersebut, Malaysia akan melahirkan pemain-pemain badminton handalan negara dan sentiasa bersedia untuk memasuki Olimpik atau Sukan Temasya yang dianjurkan oleh Persatuan Badminton Malaysia atau "*Badminton World Federation*". Sokongan dari rakyat Malaysia akan sentiasa bersama dengan pemain negara. "Malaysia Boleh!".